

08/02/2003

Jayakumar dianggap angkuh, melampau

KUALA LUMPUR: Pergerakan Pemuda Umno menyifatkan kenyataan Menteri Luar Singapura, Prof S Jayakumar pada persidangan akhbar majlis menandatangani

perjanjian khas mengenai Pulau Batu Putih ke Mahkamah Dunia kelmarin sebagai gambaran keangkuhan melampau pemimpin negara itu.

Ketuanya, Datuk Hishamuddin Hussein, berkata Singapura sentiasa mengambil pendirian yang angkuh dalam semua perkara yang membabitkan isu dua hala Malaysia-Singapura sejak dulu lagi.

"Saya tak faham Jayakumar. Beliau membuat kenyataan yang jelas begitu angkuh dan sewajarnya Menteri Luar kita (Datuk Seri Syed Hamid Albar) menjawab kenyataan angkuh Jayakumar itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika diminta mengulas ketegangan ketika sidang akhbar selepas majlis menandatangani perjanjian itu di Putrajaya.

Pada majlis itu Jayakumar menegaskan Singapura akan terus mempertahankan

haknya terhadap Pulau Batu Putih dan pendirian mereka adalah sama seperti

yang didukung sejak bertahun lamanya, iaitu status quo tetap dikekalkan sehingga atau kecuali Mahkamah Dunia mengubahnya.

Beliau mendakwa Singapura memiliki, mengawal dan mempunyai kedaulatan terhadap pulau itu untuk lebih 150 tahun. Justeru, mengikut status quo, sesiapa yang mahu melawat atau memasuki perairan itu, jika membuat permohonan akan pertimbangkan.

Syed Hamid pula berkata, Malaysia dan rakyatnya sentiasa menegaskan bahawa Pulau Batu Putih ialah sebahagian daripada wilayah Kesultanan Johor

dan oleh itu adalah sebahagian daripada Malaysia.

Hishamuddin berkata, seperti yang diperkatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno baru-baru ini, Malaysia tidak akan terperangkap dengan cara

dan helah Singapura.